




PUTRA FIT

MODUL PEMBANGUNAN KEMAHIRAN ASAS SEPAK SUKAN TAKRAW

Penerbitan Modul Kemahiran Asas Sukan Sepak Takraw merupakan salah satu pengisian kerjasama dalam *Memorandum of Understanding (MoU)* antara UPM dengan United State Sport Academy-Malaysia. Modul yang telah dihasilkan ini telah melibatkan panel yang berpengalaman luas dalam sukan Sepak Takraw yang terdiri daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Persatuan Sepaktakraw Malaysia. Modul ini mengandungi perancangan latihan Sepak Takraw selama 40 minggu berdasarkan aspek sains sukan. Antara panel-panel yang telah membangunkan modul ini ialah, Tn. Hj. Gapor Ahmad (Instruktur Kejurulatihan Sepak Takraw Malaysia), Dr. Hanafiah Ayub (Universiti Putra Malaysia), En. Yaacob Ibrahim (Kelab Sepak Takraw



eMAS), En. Azmi Abdul Ghani (Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail), En. Mohamad Razizi Hj. Midin (Universiti Putra Malaysia), En. Jasri Isa (Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail), dan En. Shaiful Adlan Othman (Pengerusi Sepak Takraw MSS Selangor). *Sebarang maklumat mengenai modul ini, sila hubungi Seksyen Pengembangan Sukan & Hubungan Awam di talian: 03-97691285.

MAJLIS PENYERAHAN BARANGAN BESBOL

Majlis Penyerahan Barangan Besbol sumbangan pihak Seibu Lions, Jepun siri 1 kepada Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar serta kolej-kolej UPM telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), UPM. Majlis tersebut telah diadakan pada 2 Julai 2020 bertempat di Foyer Pusat Sukan. Manakala bagi penyerahan barangan Besbol siri 2 kepada Sekolah-Sekolah Angkat di bawah pengurusan pusat sukan pula telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Hanafiah Ayub, Ketua Pusat Sukan UPM pada 27 Ogos 2020 bertempat di Foyer Pusat Sukan. Antara sekolah-sekolah yang telah menerima sumbangan tersebut ialah Sekolah Menengah Seri Indah, Sekolah Menengah Dato' Klana Maamor, Sekolah Kebangsaan Sri Serdang, Sekolah Kebangsaan Cheras Jaya, Sekolah Menengah Seri Serdang dan Sekolah Menengah Sains Sembrong. Dengan penyerahan peralatan Besbol kepada organisasi-organisasi tersebut, diharap akan dapat membantu membangunkan sukan Besbol di peringkat UPM dan sekolah terlibat.



LAWATAN KERJA DELEGASI PUSAT SUKAN UTEM KE PUSAT SUKAN UPM

Tanggal 8 Julai 2020, Pusat Sukan UPM telah menerima delegasi daripada Pusat Sukan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Sanusi Azmi, Pengarah Pusat Sukan UTeM bersama 7 orang pegawai. Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah bagi berkongsi ilmu dan pandangan bagi program pembangunan sukan serta konsep penyelenggaraan fasiliti sukan di pusat sukan masing-masing.



PROJEK NAIK TARAF KEMUDAHAN SUKAN



Naik taraf Padang Bola Sepak B

Naik taraf Astaka Padang Ragbi A

Naik taraf sistem pengaliran di Padang So'bol Sintetik

Pusat sukan dan Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset UPM sering berkolaborasi dan bekerjasama dalam usaha untuk meningkatkan taraf kemudahan sukan di UPM. Pada tahun 2020, beberapa projek naik taraf telah dilakukan bagi memastikan kemudahan-kemudahan sukan di UPM berada di tahap yang terbaik dan selamat untuk digunakan.

KENAIKAN PANGKAT STAF PUSAT SUKAN

Tahniah kepada staf Pusat Sukan UPM atas kenaikan pangkat:



Dr. Hanafiah Ayub
Ketua Pusat Sukan UPM
Pegawai Belia & Sukan (S54)
Berkuatkuasa: 1 ogos 2020



En. Faiz Mokhtar Lopi
Penolong Pegawai Belia & Sukan (S32)
Berkuatkuasa: 20 April 2020



En. Yusri Mohamad Nor
Penolong Pegawai Belia & Sukan (S32)
Berkuatkuasa: 20 April 2020

KLINIK ASAS SUKAN



Pusat Sukan UPM telah meneruskan program klinik sukan atas talian dalam tempoh PKP Pemulihan kepada para pelajar kolej bagi memastikan mereka sentiasa mendapat maklumat yang terkini mengenai perkembangan sukan di tanah air. Sebanyak 8 klinik sukan telah dianjurkan bermula pada 6 Ogos 2020 iaitu Klinik Asas Sukan Sepak Takraw, Klinik Asas Sukan Bola Keranjang, Klinik Asas Sukan Badminton, Klinik Asas Sukan Ragbi, Klinik Asas Sukan Ping Pong, Klinik Asas Sukan Besbol, Klinik Asas Sukan Petanque dan Klinik Asas Sukan Karate-Do.

MAJLIS ANUGERAH SUKAN UPM KE-36/2020

Majlis Anugerah Sukan UPM ke-36/2020 telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Timbalan Naib Canselor (HEPA), UPM yang menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor UPM. Atlet Menembak negara, Mohamad Lutfi Othman dan atlet Hoki negara, Hanis Nadiah Onn, masing-masing telah dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati UPM 2019 bersempena Majlis Anugerah Sukan UPM ke-36/2020 yang telah diadakan pada 12 Ogos 2020 bertempat di Dewan Kolej Canselor, UPM. Olahragawan dan Olahragawati UPM 2019 masing-masing telah membawa pulang hadiah kemenangan wang tunai bernilai RM 3,000.00, piala pusingan dan iringan, jaket, jam tangan, sijil serta baucar barangan sukan tajaan Let's Play Performance dan Zecon Sport & Fitness.



MAJLIS PERASMIAN PUTRA PAINTBALL PARK



Putra Paintball Park UPM merupakan cetusan idea daripada YBhg. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UPM. Sejalan dengan pembinaan padang *Paintball* ini, ianya akan terus berkembang dengan penubuhan kelab *Paintball* UPM yang akan dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM dengan kerjasama Pusat Sukan UPM dan Fakulti Perhutanan UPM. Dengan adanya kelab *Paintball* UPM ini, maka secara rasminya sukan *Paintball* akan dijadikan sebagai salah satu sukan komersial yang akan dibangunkan di UPM untuk aktiviti para pelajar dan staf.

KEM LATIHAN PUSAT PROGRAM KECEMERLANGAN SUKAN RAGBI & PUSAT SUKAN TUMPUAN MEMANAH & OLAHRAHA

Kem Latihan Pusat Program Kecemerlangan Sukan Ragbi dan Pusat Sukan Tumpuan Olahraga & Memanah telah bermula pada 22 Ogos 2020 dan akan berakhir pada 30 September 2020. Program latihan telah dijalankan di Stadium UPM bagi sukan Olahraga dan Memanah manakala bagi sukan Ragbi pula, program latihan telah berlangsung di Padang Ragbi B. Program latihan pusat ini diadakan bertujuan untuk memastikan para atlet berada pada tahap kecergasan yang optimum sebagai persediaan dalam menghadapi kejohanan mendatang.



MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN SUKAN STAF UPM (SUSTAF) 2020

Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Staf UPM (SUSTAF) 2020 telah diadakan pada 30 Ogos 2020 bertempat di Kelab Golf Uniputra, Universiti Putra Malaysia. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM (HEPA) yang menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor UPM. Tujuan utama kejohanan SUSTAF ini dianjurkan adalah sebagai medium bagi staf-staf UPM untuk bersaing secara sihat serta mempamerkan bakat masing-masing dalam sukan berkaitan. Selain itu, kejohanan SUSTAF ini juga diadakan sebagai medan mencari bakat di kalangan staf UPM untuk diketengahkan bagi mewakili UPM dalam penyertaan Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) dan Kejohanan Sukan Badan Berkanun (SUKANUN). Sebanyak 7 acara sukan yang dipertandingkan sempena SUSTAF 2020. Antaranya ialah, Badminton Campuran, Golf, Petanque Campuran, Tenpin Boling, Futsal Wanita, Bola Sepak Penalti dan Bola Tampar Campuran. Penganjuran kejohanan SUSTAF UPM 2020 ini telah dianjurkan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP Pemulihan bagi penganjuran kejohanan sukan yang digariskan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Universiti Putra Malaysi (UPM).



PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN